



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

Prasarana-UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ingin mempelawa kepada seluruh Warganegara Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di UKM bagi memohon jawatan sebagai Pekerja Sambilan Harian (PSH) selama 1 bulan seperti berikut:

1. **Pelukis Pelan JA19**
2. **Penolong Juruukur Tanah J29**

1. PELUKIS PELAN JA19 (PSH)

Jawatan	: Pelukis Pelan JA19
Taraf Jawatan	: Pekerja Sambilan Harian (PSH)
Kadar Upah	: Rm 72.00 sehari
Tempoh Perkhidmatan	: *Satu (1) bulan percubaan *Boleh dilanjutkan sehingga (6) bulan berdasarkan prestasi
Waktu Bekerja	: Sembilan (9) jam sehari termasuk waktu rehat dengan ditetapkan waktu masuk dan waktu balik oleh ketua jabatan
Kekosongan	: 4

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Sijil dalam bidang Seni Bina, Kejuruteraan atau Ukur Bangunan/Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

DESKRIPSI TUGAS

- a) Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja carian, verifikasi dan kemaskini lukisan terbina (as-built) bangunan, mengukur dan melukis semula ruang di dalam bangunan, mengemaskini maklumat ruang, mengambil gambar dan menampal pelekat ID ruang.
- b) Menggunakan perisian CAD untuk melukis semula lukisan terbina (as-built)
- c) Menjalankan kerja-kerja audit aset di dalam setiap ruang, menyemak maklumat aset, memasukkan ID ruang di dalam setiap maklumat aset dan menampal label ID aset di setiap aset di dalam ruang

2. PENOLONG JURUUKUR TANAH (PSH)

Jawatan	: Penolong Juruukur Tanah J29
Taraf Jawatan	: Pekerja Sambilan Harian (PSH)
Kadar Upah	: Rm 72.00 sehari
Tempoh Perkhidmatan	: *Satu (1) bulan percubaan *Boleh dilanjutkan sehingga 6 bulan berdasarkan prestasi
Waktu Bekerja	: Sembilan (9) jam sehari termasuk waktu rehat dengan ditetapkan waktu masuk dan waktu balik oleh ketua jabatan
Kekosongan	: 1

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Sijil dalam bidang Ukur Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; atau
- d) Diploma dalam bidang Ukur Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

DESKRIPSI TUGAS

- a) Pembangunan pangkalan data GIS dan menghubungkan pangkalan data natif yang lain seperti SQL
- b) Bertanggungjawab untuk memproses data-data spatial seperti membersihkan lukisan atau *data cleaning* dan menukarkan format kepada format GIS,
- c) Memasukkan atribut dan maklumat setiap ruang ke dalam pangkalan data GIS
- d) Memuatnaik setiap data spatial ke dalam server untuk pemaparan di dalam peta WebGIS menggunakan perisian ArcGIS.

Cara memohon:

- Calon hendaklah menghantar resume lengkap beserta gambar dan sijil-sijil yang berkaitan kepada maizat@ukm.edu.my atau amarturr@ukm.edu.my sebelum atau selewat-lewatnya pada 19/02/2021.